

20 MAY 1997

MAJU BELI EKUITI 51 PERATUS DLM EQUAL CONCEPT DARIPADA PERWAJA TERENGGANU

KUALA LUMPUR, 20 Mei (Bernama) -- Maju Holdings Sdn Bhd telah menandatangani perjanjian dengan Perwaja Terengganu Sdn Bhd, untuk membeli kepentingan 51 peratus dalam Equal Concept Sdn Bhd iaitu 1,020 juta saham biasa untuk RM1,020 juta.

Cadangan pemilikan itu dengan syarat selepas peruntukan 2,000 juta saham biasa RM1 satu dalam Equal Concept kepada Perwaja Terengganu bila penyusunan semula dan skim penswastan kumpulan syarikat Perwaja siap kelak.

Perwaja Terengganu, syarikat induk pengeluar keluli yang sedang tenat, Perwaja Steel Sdn Bhd, berkata dalam satu kenyataan ringkas bahawa janji niaga itu ditandatangani pada 16 Mei, 1997.

Langkah tersebut dilihat sebagai yang pertama dalam penyusunan semula dan penswastan kilang keluli itu dengan tujuan meletakkannya di atas landasan yang betul berikutan kerugian besar yang dialami semasa pentadbiran bekas pengarah urusan, Eric Chia.

Pemegang saham lain dalam syarikat itu ialah Kerajaan Persekutuan (14 peratus), Kerajaan Negeri Terengganu (lima peratus) manakala baki 30 peratus akan ditawarkan kepada Lion Group.

Skim itu membabitkan penjualan semua anak syarikat Perwaja Terengganu kepada Equal Concept untuk RM2,000 juta dan membaharui semua pinjaman.

Maju Holdings membayar deposit RM50 juta kepada Perwaja Terengganu sebaik sahaja perjanjian itu ditandatangani.

Syarikat juga dijangka akan mengadakan persidangan berita tidak lama lagi untuk mengumumkan butiran lebih lanjut mengenai penyusunan semula korporat itu.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, semasa melawat kilang Perwaja di Gurun, Kedah baru-baru ini, mengumumkan bahawa Maju akan mengetuai penswastan itu dan meluahkan harapannya agar Lion Group akan turut menerima ekuiti yang ditawarkan.

Menurut firma audit antarabangsa, Price Waterhouse, firma keluli itu didapati menanggung kerugian berjumlah RM2.985 bilion.

Jumlah kerugian terkumpul itu berpunca daripada kerugian pengendalian sebanyak RM607 juta (20 peratus), kos kewangan bersih sebanyak RM1.416 bilion (47 peratus), termasuk RM562 juta digunakan untuk membayar faedah ke atas pinjaman oleh Perwaja Terengganu.

Terdapat juga kerugian dalam pertukaran wang asing berjumlah RM910 juta (31 peratus) terutama kerana kenaikan nilai yen Jepun dan kerugian lain berjumlah RM52 juta.

Akaun Perwaja yang belum diaudit sehingga 31 Disember, 1994, menunjukkan liabiliti jangka panjang RM6.013 juta dan liabiliti semasa RM926 juta, menghasilkan dana pemegang saham negatif berjumlah RM1.884 bilion. -- BERNAMA

MR SIA